

EDISI 2

TIADA YANG MUSTAHIL

KISAH KEJAYAAN OKU

Editor

• Norailis Ab. Wahab
• Hamidah Hassan
• Siti Mariam Sageh
• Noorhafiza Ahmad

TIADA YANG MUSTAHIL: KISAH KEJAYAAN OKU EDISI 2

Diterbitkan oleh:

INSTITUT SOSIAL MALAYSIA

Lot PT 13856

KM6 Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban

Sungai Besi, 57100 Kuala Lumpur

Malaysia

Tel: 03-7985 3333

Faks: 03-7985 3300

E-mel: info@ism.gov.my

Laman Web: www.ism.gov.my

Cetakan Pertama 2022

Penerbitan © Institut Sosial Malaysia

Teks dan Foto © Institut Sosial Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian teks, ilustrasi, foto atau isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Institut Sosial Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

TIADA YANG MUSTAHIL: KISAH KEJAYAAN OKU EDISI 2

EDITOR Norailis Ab. Wahab, Hamidah Hassan, Siti Mariam Sageh, Noorhafiza Ahmad. – EDISI 2.

ISBN 978-967-5472-50-3

1. People with disabilities.

2. Successful people.

3. Success

I. Norailis Ab. Wahab. II. Hamidah Hassan.

III. Siti Mariam Sageh. IV. Noorhafiza Ahmad.

Dicetak di Malaysia oleh:

Techno Secure Print Sdn. Bhd.

SD30, Jalan KIP 10 Perindustrian Kepong,

Kepong, 52200 Kuala Lumpur

ISI KANDUNGAN

| | |
|--|------|
| <i>Perutusan</i> | X |
| <i>Kata Alu-aluan</i> | XIV |
| <i>Penghargaan</i> | XVII |
| <i>Prakata</i> | XIX |
| <i>Senarai Ahli Pasukan Task Force Penerbitan Buku Tiada Yang Mustahil: Kisah Kejayaan OKU Edisi 2</i> | XX |
| Pengenalan - Tiada Yang Mustahil: Kisah Kejayaan OKU | 1 |
| OKU DALAM BIDANG AKADEMIK | 14 |
| Profesor Ts. Dr. Zaidi Embong | 15 |
| <i>Saintis OKU Berkerusi Roda</i> | |
| Profesor Madya Dr. Mohd. Nizam Barom | 23 |
| <i>Polaroid Tidak Berfilem</i> | |
| Dr. Ahmad Shamsuri Muhamad | 33 |
| <i>Harapan Mencipta Keberanian, Usaha Mencapai Kehormatan</i> | |
| Meor Muhd. Afif Aiman Abu Bakar | 41 |
| <i>Ibarat Mutiara Di Belahan Lautan</i> | |

| | |
|---|-----|
| Sharifah Zubaidah Wan Abu Bakar | 47 |
| <i>Tinta Cereka Si Buta</i> | |
| OKU DALAM BIDANG KEMASYARAKATAN | 56 |
| Aqlam Jafri | 57 |
| <i>Patah Sayap Terbang Jua</i> | |
| Chole Gan | 65 |
| <i>Hwarang: Teras Empat Arah</i> | |
| Choo Siew Cheong | 71 |
| <i>Mengejar Peluang, Menggarap Impian</i> | |
| Mohammad Faizal Che Yusof | 79 |
| <i>Memasak Mandat Menggalas Amanah</i> | |
| Norfarrah Syahirah Shaari | 91 |
| <i>Membujur Lalu Melintang Patah</i> | |
| Ramlah Md Jalee | 99 |
| <i>Setitis Ilmu Seluas Lautan</i> | |
| Zamri Mansor | 107 |
| <i>Bagai Helang Memintas Awan</i> | |
| OKU DALAM BIDANG KESENIAN | 116 |
| Muhammad Qayyim Nizar Sarimi | 117 |
| <i>Lantunan Suara Menusuk Kalbu</i> | |
| Khairul Azmi Mohd. Saat | 123 |
| <i>Suara Emas Membelai Jiwa</i> | |

| | |
|--|-----|
| OKU DALAM BIDANG KEUSAHAWANAN | 130 |
| Dr. Ruzimi Mohamad @ Mahmood | 131 |
| <i>Menyulam Tekad Menggapai Impian</i> | |
| Khairi Othman | 141 |
| <i>Perah Keringat Menongkah Arus Ampuh Kehidupan</i> | |
| Mohd. Nazri Hussin | 149 |
| <i>Usah Direnung Letihnya Usaha</i> | |
| Muhammad Huzaery Muhamad Daud | 157 |
| <i>Dambaan Displin Dalam Potensi Menemukan Cita-Cita</i> | |
| Noor Azizah Muhammad Zamri | 165 |
| <i>Sabar Kunci Jaya</i> | |
| Nor Adzleen Abdul Karim | 171 |
| <i>Biar Tangan Berbicara</i> | |
| Norli Hamzah | 179 |
| <i>Warisan Kasih Penyambung Legasi</i> | |
| Jeannie Tan Ruey Jiuan | 185 |
| <i>Perbezaan Yang Dirai</i> | |
| OKU DALAM BIDANG KESUKANAN | 194 |
| Ahmad Fadil Othman | 195 |
| <i>Sinaran Permata Berharga</i> | |
| Bonnie Bunyau Anak Gustin | 201 |
| <i>Nekad Si Badang</i> | |

| | |
|---|-----|
| Cheah Liek Hou | 209 |
| <i>Tangan Emas</i> | |
| Mohamad Khasseri Othman | 217 |
| <i>Pandangan Melangkaui Penglihatan</i> | |
| Mohamad Ridzuan Mohd. Asri | 225 |
| <i>Yang Bulat Datang Bergolek, Yang Pipih Datang Melayang</i> | |
| Mohd Sabki Ariffin | 233 |
| <i>Nekad Dan Tekad Menakluk Keunggulan</i> | |
| Muhammad Hisyam Khaironi | 243 |
| <i>Lontaran Membina Arca Kejayaan</i> | |
| Muhamad Ashraf Muhammad Haisham | 249 |
| <i>Larian Mengejar Impian</i> | |
| Muhammad Nabil Rosli | 259 |
| <i>Sehari Selebar Benang, Lama-Lama Menjadi Kain</i> | |
| Sunny N Sabornido | 267 |
| <i>Bahana Sang Peredam</i> | |
| Biodata Penulis | 273 |

Lontaran Membina Arca Kejayaan

OLEH: MOHD. SAFWAN GHAZALI

Hisyam mengalami kecacatan penglihatan F12/13 sejak berumur 10 tahun berpunca dari demam panas. Beliau yang merupakan anak kedua daripada 13 orang adik-beradik ini tidak patah semangat untuk terus berada dalam bidang sukan sehingga ke hari ini. Ayahnya merupakan seorang juruteknik di Telekom manakala ibunya merupakan seorang suri rumah. Beliau dibesarkan oleh seorang ayah yang rajin melakukan kerja-kerja kampung seperti menebang pokok serta memukat ikan pada waktu lapang.

Anak muda ini dibesarkan di Kampung Abu Bakar Baginda, Kajang, Selangor. Rumahnya yang berdekatan dengan salah satu pusat latihan bagi para atlet ketika berlangsungnya acara Sukan SEA yang ke-15 telah menjadi sumber inspirasi baginya untuk menjadi salah seorang atlet negara. Pada tahun 1989, Malaysia merupakan tuan rumah Sukan SEA dan Pusat Latihan Petronas, Bangi yang pernah menjadi pusat latihan bagi acara bola sepak dan rejam lembing. Semangat yang membara dalam bidang sukan sejak kecil menjadikan



Hisyam bersama hobi barunya, ternakan kelulut.